

25/03/2005

TUN DR MAHATHIR RAI KELUARGA BEKAS PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA, 25 Mac (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad dan isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali hari ini meraikan anggota keluarga bekas Perdana Menteri Malaysia.

Majlis yang berlangsung di Yayasan Kepimpinan Perdana (YKP) di sini bertujuan menjelaskan kepada mereka tentang fungsi penubuhan yayasan berkenaan yang didedikasikan kepada mereka yang pernah menerajui kepimpinan negara di peringkat tertinggi.

Ini termasuk mengkaji, mendokumentasi dan menyebarkan warisan pemikiran bekas Perdana Menteri dalam menentukan pembangunan serta hala tuju negara.

Dr Mahathir yang memimpin Malaysia dari 1981 hingga 2003 ialah Presiden Kehormat YKP.

Antara yang hadir ialah Tun Hajah Rahah Mohd Noah, isteri Perdana Menteri kedua Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan Tun Hajah Suhailah Mohd Noah, isteri Perdana Menteri ketiga Allahyarham Tun Hussein Onn.

Yang lain ialah anggota keluarga Perdana Menteri pertama Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Anggota Lembaga Yayasan Tun Abdul Razak dan anggota keluarga Dr Mahathir sendiri.

-- BERNAMA

MAM ROS